


BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI



1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas

1.1.1 Takrif Ilmu Ekonomi


- Cara sesebuah isi rumah memperoleh, mengagihkan, dan menggunakan pendapatannya untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya sehingga mencapai kepuasan yang maksimum.
- Perkataan ekonomi berasal dari bahasa Yunani iaitu 'oikou' yang bermaksud 'rumah tangga' dan 'nomos' yang bermaksud 'aturan'.
- Oleh itu, ekonomi ertinya peraturan isi rumah
- Ilmu ekonomi mengkaji perlakuan individu dan masyarakat dalam memperuntukan **sumber ekonomi yang terhad** untuk **memenuhi kehendak yang tidak terhad**.



Konsep Kekurangan dan Pilihan dan Kos Lepas



➤ **Kehendak Manusia**



➤ **Masalah Ekonomi**


i) Kekurangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Kekurangan ialah keinginan manusia yang jauh melebihi apa yang dapat dihasilkan dalam ekonomi dengan sumber ekonomi yang terhad.</li> <li>•Setiap unit ekonomi menghadapi masalah kekurangan masing-masing.</li> </ul>
ii) Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Akibat daripada masalah kekurangan, unit-unit ekonomi harus membuat pilihan antara barang dan perkhidmatan yang dikehendaki.</li> <li>•Masalah pilihan melibatkan pembuatan keputusan tentang kehendak yang perlu dipenuhi terlebih dahulu dan melibatkan pengorbanan</li> <li>•Dalam membuat keputusan terhadap pilihan, unit-unit ekonomi adalah diandaikan rasional dan membuat pilihan berdasarkan keutamaan atau matlamat masing-masing.</li> </ul>
iii) Kos Lepas	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Kos lepas merujuk kepada pulangan yang mungkin daripada barang-barang atau perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat pemilihan sesuatu barangan.</li> <li>•Setiap pilihan yang dibuat akan menyebabkan pilihan lain terpaksa dilepaskan.</li> </ul>

➤ Masalah Ekonomi yg dihadapi oleh 3 unit ekonomi :

Unit Ekonomi	Kekurangan	Pilihan	Kos lepas
Isi Rumah	Pendapatan / wang	Memilih <b>barang</b> yang <b>memaksimumkan kepuasan</b>	<b><u>Kepuasan</u> yang mungkin daripada <u>barangan kedua terbaik</u> yang terpaksa dilepaskan</b> untuk mendapatkan barangan yang dipilih
Firma	Faktor pengeluaran / modal	Memilih <b>keluaran / projek pelaburan</b> yang <b>memaksimumkan keuntungan</b>	<b><u>Keuntungan</u> yang mungkin daripada <u>keluaran/projek pelaburan kedua terbaik</u> yang terpaksa dilepaskan</b> untuk mendapat keluaran/ projek pelaburan yang dipilih
Kerajaan	Hasil negara	Memilih <b>projek pembangunan</b> yang <b>memaksimumkan kebajikan masyarakat</b>	<b><u>Kebajikan</u> yang mungkin diperoleh daripada <u>projek pembangunan kedua terbaik</u> yang terpaksa dilepaskan</b> untuk mendapat projek pembangunan yang dipilih

### 1.1.3 Faktor Pengeluaran

- Faktor pengeluaran ialah sumber ekonomi yang diperlukan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.



Faktor-faktor pengeluaran	Maksud	Ganjaran	Contoh
Tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumber alam semula jadi</li> <li>- Penawaran tanah adalah terhad maka harganya menjadi semakin mahal.</li> <li>- Tidak mempunyai mobiliti tempat kerana tidak boleh bergerak.</li> <li>- Mempunyai mobiliti kegunaan iaitu boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, contohnya untuk kegiatan pertanian atau tapak pembinaan</li> </ul>	Sewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sumber dapat dibaharui - hasil hutan dan sumber laut</li> <li>• sumber yang tidak dapat dibaharui - bijih timah, emas, besi, petroleum</li> </ul>
Usahawan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Individu yang menggabungkan dan menyelaraskan faktor pengeluaran yang lain untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan</li> <li>- Bertujuan untuk mencapai pengeluaran output yang maksimum atau meminimumkan kos pengeluaran untuk memperoleh untung yang maksimum.</li> <li>- Seorang individu yang kreatif, inovatif, berani menghadapi risiko dan tidak mudah berputus asa.</li> </ul>	Untung	Pengusaha batik
Modal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.</li> <li>- Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi mudah dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain seperti mesin.</li> <li>- Bangunan dan kilang pula adalah tidak mempunyai mobiliti geografi yang tinggi.</li> </ul>	Faedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mesin</li> <li>• Jentera</li> <li>• Kilang</li> </ul>
Buruh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumbangan tenaga manusia yang produktif dari segi fizikal atau mental dalam proses pengeluaran.</li> <li>- Terdiri daripada buruh :               <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Mahir – berpendidikan tinggi atau memiliki kemahiran profesional tertentu.</li> <li>(b) Tak mahir – berpendidikan rendah atau tidak memiliki kemahiran profesional tertentu</li> </ul> </li> <li>- Buruh mempunyai mobiliti pekerjaan dan mobiliti geografi yang tinggi iaitu mudah bertukar pekerjaan dan mudah bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.</li> </ul>	Upah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru</li> <li>• Akauntan</li> <li>• Pegawai bank</li> <li>• Arkitek</li> <li>• Operator pengeluaran</li> </ul>

### 1.1.7 Keluk Kemungkinan Pengeluaran


1.Fungsi KKP	Menerangkan perkaitan antara masalah kekurangan, pilihan & kos lepas
2.Maksud KKP	KKP ialah keluk yang menunjukkan <b>had maksimum tingkat pengeluaran</b> yang dapat dicapai oleh sesebuah ekonomi dengan menggunakan <b>faktor pengeluaran</b> yang ada dan <b>tingkat teknologi</b> tertentu.
3.Andaian menganalisis KKP	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Ekonomi telah mencapai <b>guna tenaga penuh</b> (pengangguran = 4% atau kurang daripada 4%).</li> <li>2.Ekonomi hanya mengeluarkan dua jenis barang.</li> <li>3.Sumber ekonomi yang dimiliki adalah terhad dan tetap.</li> <li>4.Tingkat teknologi adalah tetap</li> </ol>

- Contoh jadual di bawah menunjukkan kombinasi pengeluaran pakaian dan makanan

2.JADUAL KKP		
Kombinasi Pengeluaran	Pakaian (ribu helai)	Makanan (tan metrik)
A	10	0
B	8	3
C	6	4
D	4	13
E	0	5

**Kombinasi E** – semua faktor pengeluaran digunakan untuk mengeluarkan makanan (5 tan metrik) dan tiada pakaian dikeluarkan (0 ribu helai)

**Kombinasi A** – semua faktor pengeluaran digunakan untuk mengeluarkan pakaian (10 ribu helai) dan tiada makanan dikeluarkan (0 tan metrik)



1.- Masalah **ketidakupayaan ekonomi/masalah kekurangan** dapat digambarkan oleh Titik kombinasi pengeluaran yg berada **di luar** keluk kemungkinan pengeluaran iaitu **titik G**.

- Kombinasi G tidak boleh dicapai kerana tingkat guna tenaga penuh telah dicapai dan tiada faktor pengeluaran lebih untuk menambah keluaran.
- Kombinasi G hanya boleh dicapai jika wujudnya pertambahan faktor pengeluaran, peningkatan tingkat teknologi dan peningkatan produktiviti buruh.

2. - Masalah **pilihan** pula ditunjukkan oleh pergerakan di **sepanjang keluk** kemungkinan pengeluaran iaitu **A,B, C dan D**

- Semua sumber ekonomi telah digunakan sepenuhnya (**tingkat guna tenaga penuh**)
- Keluaran telah berada pada tahap maksimum
- Tambahan pengeluaran makanan akan berlaku jika pengeluaran pakaian dilepaskan (wujud kos lepas)

3. - Masalah **pengeluaran yang tidak cekap** ditunjukkan oleh **titik F** kerana ekonomi **gagal menggunakan faktor pengeluaran yang ada** dengan sepenuhnya, iaitu **berlaku masalah pembaziran sumber / pengangguran**

- Pengeluaran dapat dihasilkan tetapi tidak mencapai tahap maksimum kerana faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya


- Formula untuk mengira kos lepas ialah :

- i. Kos lepas barang X =  $\frac{\text{perubahan barang Y}}{\text{perubahan barang X}}$
- ii. Kos lepas barang Y =  $\frac{\text{perubahan barang X}}{\text{perubahan barang Y}}$

1. **Tanda negatif** menunjukkan **bentuk keluk KKP** yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan iaitu mempunyai **kecerunan negatif**.
2. Untuk menambah 1 ribu helai pakaian, semakin banyak makanan yang perlu dilepaskan. Kos lepas pakaian semakin meningkat akibat daripada faktor pengeluaran yang tidak sama cekap.
3. **Kos lepas yang semakin meningkat** ditunjukkan oleh **KKP yang berbentuk cembung** ke titik asalan.
4. **Kos lepas yang semakin meningkat bermaksud** untuk menambahkan satu unit sesuatu barang, ekonomi terpaksa mengurangkan kuantiti barang yang lain dengan jumlah yang semakin meningkat pada setiap titik pengeluaran.

Konsep Kos Lepas																																									
Kos lepas meningkat KKP Cembung			Kos lepas malar KKP Garis lurus																																						
❖ menunjukkan kos lepas yang semakin meningkat			❖ menunjukkan kos lepas adalah malar (tetap).																																						
<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3">Jadual</th> </tr> <tr> <th>Kombinasi pilihan</th> <th>Makanan (unit)</th> <th>Pakaian (unit)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>A</td> <td>0</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>B</td> <td>1</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td>C</td> <td>2</td> <td>7</td> </tr> <tr> <td>D</td> <td>3</td> <td>4</td> </tr> </tbody> </table>			Jadual			Kombinasi pilihan	Makanan (unit)	Pakaian (unit)	A	0	10	B	1	9	C	2	7	D	3	4	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3">Jadual</th> </tr> <tr> <th>Kombinasi pilihan</th> <th>Makanan (unit)</th> <th>Pakaian (unit)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>A</td> <td>0</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>B</td> <td>1</td> <td>8</td> </tr> <tr> <td>C</td> <td>2</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td>D</td> <td>3</td> <td>4</td> </tr> </tbody> </table>			Jadual			Kombinasi pilihan	Makanan (unit)	Pakaian (unit)	A	0	10	B	1	8	C	2	6	D	3	4
Jadual																																									
Kombinasi pilihan	Makanan (unit)	Pakaian (unit)																																							
A	0	10																																							
B	1	9																																							
C	2	7																																							
D	3	4																																							
Jadual																																									
Kombinasi pilihan	Makanan (unit)	Pakaian (unit)																																							
A	0	10																																							
B	1	8																																							
C	2	6																																							
D	3	4																																							
<p>Rajah</p>			<p>Rajah</p>																																						
<ul style="list-style-type: none"> <li>-kos lepas dari A ke B = 1</li> <li>-kos lepas dari B ke C = 2</li> <li>-kos lepas dari C ke D = 3</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>-kos lepas dari A ke B = 2</li> <li>-kos lepas dari B ke C = 2</li> <li>-kos lepas dari C ke D = 2</li> </ul>																																						

➤ **Jenis Barang**




• Ciri-ciri Barang

Bil	Ciri-ciri	Percuma	Awam	Ekonomi
1.	Bayaran	Tak perlu bayaran	Tak perlu bayaran / sedikit bayaran	Perlu bayaran
2.	Penawaran	Tak terhad	Terhad	Terhad
3.	Pengeluar	Anugerah tuhan	Kerajaan	Swasta
4.	Penggunaan	Semua orang boleh gunakannya	Semua orang boleh gunakannya	Hanya yg mampu
5.	Kos lepas	Tiada kos lepas	Ada kos lepas	Ada kos lepas
6.	Contoh	Udara, air, pokok	Polis, Lampu isyarat	Rumah, Kasut

1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi


1.2.1 Masalah Asas Ekonomi



Masalah Asas Ekonomi	Maksud
a) Apa barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penentuan <b>jenis</b> barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan</li> <li>• Mengikuti <b>permintaan pengguna / kuasa pasaran</b></li> </ul>
b) Berapa barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penentuan <b>kuantiti</b> barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan</li> <li>• Mengikuti <b>mekanisme harga</b></li> </ul>
c) Bagaimana barang dan perkhidmatan hendak dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pemilihan teknik / cara pengeluaran</b> barang dan perkhidmatan</li> <li>• Memilih <b>teknik yang paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan</b></li> </ul>
d) Untuk siapa barang dan perkhidmatan dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkaitan <b>corak agihan barang</b></li> <li>• Corak agihan barang ditentukan <b>berdasarkan corak agihan pendapatan / kuasa beli</b></li> </ul>

### 1.2.2 Sistem Ekonomi

- Sistem ekonomi merujuk kepada peraturan yang diamalkan sesebuah negara dalam menguruskan ekonominya.
- Terdapat tiga jenis sistem ekonomi yang utama iaitu :



**i. Sistem Ekonomi Pasaran Bebas** (kapitalis / *laissez-faire*)

Ciri-ciri	Penerangan
Pemilikan faktor pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran</b></li> <li>❖ Bebas mengguna dan mengubah pemilikan faktor pengeluaran untuk memenuhi utiliti dan matlamat pengeluaran</li> <li>❖ Pihak kerajaan tidak campur tangan tetapi menetapkan undang-undang dan peraturan yang perlu diikuti</li> </ul>
Penentu kehendak	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Pengguna dan pihak pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi</b> untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi</li> <li>❖ Pengguna mempunyai kebebasan memilih kerana mempunyai kuasa beli iaitu kemampuan untuk membeli barang dan perkhidmatan</li> </ul>
Pembuat pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Individu bebas membuat pilihan</b> terhadap barangan yang ingin dibeli dan jenis pekerjaan yang ingin diceburi</li> <li>❖ Motif individu ialah <b>untuk memaksimumkan kepuasan</b></li> <li>❖ <b>Pengeluar bebas memiliki dan menggunakan faktor pengeluaran</b> untuk mengeluarkan barang yang <b>memaksimumkan untung</b></li> <li>❖ Pengeluar juga bebas <b>memilih teknik pengeluaran yang paling cekap dalam pengeluaran untuk meminimumkan kos pengeluaran</b></li> </ul>
Persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Firma bebas bersaing</b> melalui:               <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Persaingan harga : mengubah harga untuk meningkatkan jualan</li> <li>(b) Persaingan bukan harga : menawar hadiah percuma</li> </ul> </li> </ul>
Penentuan harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Harga barang ditentukan oleh <b>mekanisme harga</b> (kuasa pasaran)</li> </ul>
Motif	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Matlamat <b>pengguna</b> : memaksimumkan kepuasan diri (utiliti)</li> <li>❖ Matlamat <b>pengeluar</b> : memaksimumkan keuntungan</li> </ul>
Contoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Amerika Syarikat dan Hong Kong</li> </ul>

❖ **Kelebihan** sistem ekonomi pasaran bebas ialah :

<b>Kelebihan</b>	<b>Huraian</b>
Kepuasan individu dan masyarakat dapat dimaksimumkan	❖ Individu sebagai pembuat keputusan akan membuat keputusan yang bijak supaya dapat memaksimumkan kepuasan masing-masing.
Kebebasan yang luas untuk melakukan kegiatan ekonomi	❖ Pengguna bebas memilih barang yang dikehendaki. ❖ Pengeluar bebas mengeluarkan barang dan perkhidmatan
Kecekapan dalam penggunaan sumber	❖ Setiap pengeluar akan cuba mengeluarkan sumber secara optimum ❖ Menghasilkan output maksimum pada kos yang minimum ❖ Supaya boleh terus kekal dalam pasaran
Menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi	❖ Persaingan menggalakkan peningkatan teknologi dan reka cipta baharu ❖ Kos pengeluaran dapat dikurangkan dan daya pengeluaran meningkat

❖ **Kelemahan** sistem ekonomi pasaran bebas ialah :

<b>Kelemahan</b>	<b>Huraian</b>
Mewujudkan masyarakat materialistik	❖ Individu cenderung untuk mementingkan kebendaan dan mencari kekayaan tanpa batasan
Mewujudkan ketidakstabilan ekonomi	❖ Turun naik harga pasaran akibat perubahan permintaan dan penawaran menyebabkan ketidakstabilan ekonomi (inflasi dan kemelesetan ekonomi)
Agihan pendapatan yang tidak setara	❖ Jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin semakin besar
Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar	❖ Persaingan hebat menyebabkan firma yang kecil dan baharu tidak bersaing dengan firma besar ❖ Ini menggalakkan firma besar menguasai pasaran dan mendapat keuntungan besar
Kesan luaran negatif	❖ Firma tidak megambil kira kesan negatif yang wujud demi mencapai keuntungan yang maksimum. ❖ Contohnya pencemaran

ii. **Sistem Ekonomi Perancangan Pusat** (sosialis / komunis)

Ciri-ciri	Penerangan
Pemilikan faktor pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Semua <b>faktor pengeluaran dimiliki secara mutlak oleh kerajaan</b> atau badan perancangan pusat</li> <li>❖ Individu dan pengeluar tidak mempunyai kebebasan untuk memiliki dan menggunakan faktor pengeluaran</li> </ul>
Penentu kehendak	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Segala <b>keputusan ekonomi</b> yang berkaitan dengan masalah asas ekonomi akan diselesaikan oleh <b>kerajaan</b></li> <li>❖ Kerajaan merancang dan mengawal peruntukan faktor pengeluaran serta corak agihan barang dan perkhidmatan kepada masyarakat.</li> </ul>
Pembuat pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Individu tidak mempunyai kebebasan</b> dalam membuat pilihan barangan yang ingin dibeli dan jenis pekerjaan yang ingin diceburi</li> <li>❖ <b>Pengeluar juga tiada kebebasan dalam pemilikan dan penggunaan faktor pengeluaran</b> untuk mengeluarkan barang</li> <li>❖ <b>Kerajaan</b> yang membuat pilihan jenis dan kaedah barang dikeluarkan</li> </ul>
Persaingan	❖ <b>Tidak wujud</b> persaingan
Penentu harga	❖ Harga barang <b>ditentukan oleh kerajaan</b>
Motif/matlamat	❖ Matlamat kerajaan : <b>memaksimumkan kebajikan</b> dan keadilan sosial
Contoh negara	❖ Cuba dan Korea Utara

❖ **Kelebihan** sistem ekonomi perancangan pusat ialah :

<b>Kelebihan</b>	<b>Huraian</b>
Agihan pendapatan yang seimbang	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Semua barang dan perkhidmatan diagihkan secara sama rata</li> <li>❖ Jurang pendapatan menjadi kecil</li> </ul>
Barang awam dan kebajikan masyarakat diutamakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Kerajaan bermotifkan kebajikan masyarakat maksimum.</li> <li>❖ Kerajaan hanya akan mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat</li> </ul>
Peruntukan sumber ke arah kebajikan rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Ini kerana faktor pengeluaran diagihkan melalui badan perancangan pusat</li> <li>❖ Mengambil kira kos sosial yang mungkin berlaku</li> </ul>
Pengeluaran secara berskala besar	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Kerajaan sebagai pengeluar tunggal dalam pasaran dapat melakukan aktiviti pengeluaran secara besar-besaran</li> <li>❖ Menikmati ekonomi bidangan iaitu kos pengeluaran menjadi rendah dan harga barangan turut rendah</li> </ul>

❖ **Kelemahan** sistem ekonomi perancangan pusat ialah :


<b>Kelemahan</b>	<b>Huraian</b>
Pilihan individu terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Masyarakat tidak mempunyai kebebasan kerana semua keputusan dibuat oleh kerajaan</li> </ul>
Kurang motivasi dan intensif bekerja kuat	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Individu tidak dibenarkan mengumpulkan kekayaan secara bebas.</li> <li>❖ Menyebabkan mereka tiada galakan untuk terus bekerja dan berusaha</li> </ul>
Keusahawanan individu terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Keusahawanan dan inovasi tidak dapat berkembang pesat kerana tiada persaingan</li> <li>❖ Menyebabkan ekonomi tidak berkembang maju</li> </ul>
Risiko kesilapan dalam membuat keputusan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Keputusan ekonomi dilakukan oleh sekumpulan kecil pemerintah</li> <li>❖ Risiko untuk membuat keputusan tidak tepat adalah tinggi</li> <li>❖ Boleh menjejaskan kebajikan rakyat</li> </ul>

**Sistem Ekonomi Campuran**

- Satu sistem yang menggabungkan pelbagai ciri kebaikan sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat.
- Pihak kerajaan dan kuasa pasaran atau mekanisme pasaran bersama-sama memainkan peranan untuk menjamin aktiviti ekonomi berjalan lancar Kerajaan akan campur tangan jika berlaku ketidakstabilan dan penyelewengan dalam aktiviti ekonomi.

Ciri-ciri	Penerangan
Pemilikan faktor pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran dengan kawalan kerajaan</b> melalui undang-undang dan peraturan untuk menjaga kebajikan masyarakat</li> <li>❖ Terdapat faktor pengeluaran tertentu yang hanya dimiliki oleh pihak kerajaan untuk mengeluarkan barang awam</li> </ul>
Penentu kehendak	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Pengguna dan pihak pengeluar berhak dalam membuat keputusan ekonomi</li> <li>❖ Pengguna mempunyai kuasa menentukan corak permintaan barang dan perkhidmatan</li> <li>❖ <b>Firma mengeluarkan barang ekonomi</b> untuk memperoleh keuntungan yang maksimum</li> <li>❖ <b>Kerajaan</b> akan membuat keputusan dan <b>mengeluarkan barang awam</b> yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta</li> </ul>
Pembuat pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Individu bebas</b> membuat pilihan terhadap barangan yang ingin dibeli berdasarkan kemampuan dan bebas memilih jenis pekerjaan yang ingin diceburi</li> <li>❖ <b>Pengeluar bebas</b> memiliki dan menggunakan faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang dengan memilih teknik yang paling cekap untuk meminimumkan kos</li> <li>❖ <b>Kerajaan mengawal</b> kebebasan <b>melalui undang-undang</b> dan peraturan</li> <li>❖ Kerajaan akan memilih teknik pengeluaran yang memaksimumkan kebajikan masyarakat</li> </ul>
Persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Individu / firma bebas <b>bersaing secara sihat</b> dengan menggunakan kaedah yang paling cekap</li> <li>❖ Kerajaan pastikan persaingan yang sihat supaya tiada penindasan.</li> <li>❖ Tiada persaingan untuk barang awam.</li> </ul>
Penentu harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Harga <b>barang ekonomi</b> ditentukan oleh <b>mekanisme harga</b>.</li> <li>❖ <b>Kerajaan mengawal harga</b> melalui <b>subsidi / cukai</b> dan melalui dasar harga maksimum / minimum</li> <li>❖ <b>kerajaan</b> menentukan harga <b>barang awam</b>.</li> </ul>
Matlamat / motif	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Matlamat <b>pengguna</b> : memaksimumkan <b>kepuasan</b> diri (utiliti)</li> <li>❖ Matlamat <b>pengeluar</b> : memaksimumkan <b>keuntungan</b></li> <li>❖ Matlamat <b>kerajaan</b> : memaksimumkan <b>kebajikan masyarakat</b></li> </ul>
Contoh negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Malaysia, Thailand dan Singapura</li> </ul>

❖ Tujuan campur tangan kerajaan dalam ekonomi ialah :



### 1.2.3 PERBANDINGAN PENYELESAIAN MASALAH ASAS EKONOMI

Masalah asas ekonomi	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi Campuran
Apa yang hendak dikeluarkan	❖ Diselesaikan melalui <b>mekanisme pasaran iaitu kuasa permintaan dan penawaran</b>	❖ <b>Kerajaan berkuasa mutlak</b> menentukan jenis barang yang akan dikeluarkan	❖ <b>Barang ekonomi</b> : diselesaikan melalui kuasa pasaran / <b>mekanisme harga</b> ❖ <b>Barang awam</b> : dikeluarkan oleh <b>kerajaan</b>
Berapa yang hendak dikeluarkan	❖ Jumlah permintaan dan penawaran di pasaran / <b>mekanisme pasaran</b>	❖ <b>Kerajaan akan tentukan kuantiti barangan</b> supaya sentiasa mencukupi dalam pasaran dan tiada masalah kekurangan atau lebihan	❖ <b>Barang ekonomi</b> : melalui <b>mekanisme pasaran</b> ❖ <b>Barang awam</b> : mengikut keperluan rakyat / yang tidak cukup untuk mengelakkan kegiatan menyorok barang


<p>Bagaimana hendak dikeluarkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Memilih cara yang paling cekap untuk meminimumkan kos pengeluaran atau memaksimumkan untung</b></li> <li>❖ Intensif buruh atau modal berdasarkan harga relatif yang paling rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Kerajaan <b>memilih cara pengeluaran</b> yang maksimumkan output bagi <b>mengelakkan pembaziran</b> dan <b>maksimumkan kebajikan</b> masyarakat</li> <li>❖ Kerajaan akan <b>memilih intensif buruh</b> dan mengurangkan pengangguran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Firma</b> : pengeluar memilih cara yang paling cekap yang dapat maksimumkan untung</li> <li>❖ <b>Kerajaan</b>: kerajaan memilih cara yang dapat maksimumkan kebajikan masyarakat</li> </ul>
<p>Untuk siapa dikeluarkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Corak agihan pendapatan</b> atau kuasa beli individu</li> <li>❖ Golongan kaya mempunyai kuasa beli yang tinggi dan lebih banyak barang</li> <li>❖ Agihan kekayaan tidak sama rata</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Kerajaan akan memastikan barangan diagihkan secara adil</b>, saksama dan sama rata untuk setiap individu</li> <li>❖ Kerajaan akan mengawal tingkat harga</li> <li>❖ Menjalankan sistem catuan atau kupon bagi memastikan semua rakyat menikmati barangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Barang ekonomi</b> : corak agihan pendapatan wang</li> <li>❖ <b>Kerajaan akan campur tangan</b> dalam agihan barang <b>melalui sistem percukaian dan subsidi</b> supaya golongan berpendapatan rendah memperoleh barang keperluan yang mencukupi</li> <li>❖ <b>Barang awam</b>: kerajaan agihkan barang awam <b>kepada semua masyarakat</b> untuk menjaga kebajikan</li> </ul>

### 1.2.4 Ekonomi Islam

- ❖ Ekonomi Islam merupakan sistem ekonomi campuran yang berlandaskan Al-Quran dan Hadis.
- ❖ Segala keputusan haruslah berlandaskan syariat Islam.
- ❖ Pihak kerajaan, mekanisme harga dan pihak swasta memainkan peranan penting untuk memastikan aktiviti ekonomi berjalan dengan lancar, produktif, adil dan saksama.

#### CIRI-CIRI UTAMA EKONOMI ISLAM

- ❖ Ekonomi Islam merupakan satu cabang dalam sistem ekonomi campuran dan mempunyai **ciri yang mirip dengan sistem ekonomi campuran**.
- ❖ Namun ekonomi Islam juga mempunyai beberapa unsur yang unik dan tersendiri seperti berikut :



- i. **Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam**
  - ❖ Matlamat ekonomi Islam adalah mencapai **al-Falah** iaitu mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat di dunia dan akhirat
  - ❖ Segala kegiatan ekonomi yang berlandaskan syariat Islam dianggap sebagai ibadah
  - ❖ Keputusan ekonomi berlandaskan prinsip dan hukum Islam iaitu **Al-Quran dan Hadis**.
  - ❖ Aktiviti bekonomi yang tidak halal seperti penyeludupan, perjudian, pengedaran dadah dan penipuan adalah diharamkan sama sekali.
- ii. **Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu**
  - ❖ Individu dan pihak swasta bebas mencari dan memiliki kekayaan di dunia demi kebajikan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat berlandaskan hukum Islam.
  - ❖ Pengguna dan pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi.
  - ❖ Pengguna mempunyai kebebasan memilih barang dan perkhidmatan yang **halal** dan jenis pekerjaan yang ingin diceburi.
  - ❖ Pengeluar bebas bersaing dalam pengeluaran barangan untuk memperoleh keuntungan.
  - ❖ Kerajaan akan mengawal kebebasan pengguna dan pengeluar melalui undang-undang dan peraturan.

- iii. **Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat**
- ❖ Kepentingan awam adalah lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan individu.
  - ❖ Kerajaan akan membuat keputusan ekonomi dalam pengeluaran barang awam untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kebajikan masyarakat
  - ❖ Sasaran pengeluaran adalah untuk semua masyarakat.
  - ❖ Prinsip **kesederhanaan** amat dipentingkan dalam aspek penggunaan dan pengeluaran sesuatu barang dan perkhidmatan.
  - ❖ Individu yang cukup syarat dikehendaki membayar **zakat** untuk diagihkan kekayaan mereka kepada golongan yang kurang kemampuan.

**CIRI-CIRI EKONOMI ISLAM**

<b>Ciri-ciri</b>	<b>Penerangan</b>
Pemilikan faktor pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Semua kekayaan <b>milik mutlak Allah</b></li> <li>❖ <b>Manusia</b> sebagai <b>pemegang amanah</b>.</li> <li>❖ Individu dan firma bebas mencari kekayaan tetapi tidak bercangah dengan syarak</li> <li>❖ Sumber digunakan dengan cekap / tanpa pembaziran</li> </ul>
Pembuat keputusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Individu dan firma bebas</b> membuat keputusan tentang ekonomi <b>berdasarkan prinsip Islam</b></li> <li>❖ <b>Kerajaan</b> memastikan kebajikan rakyat terjamin.</li> </ul>
Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Individu atau firma bebas menentukan jenis barang tetapi tidak bercanggah dengan syarak / <b>barang halal</b> /pekerjaan tidak bercanggah dengan syarak</li> </ul>
Matlamat / motif	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Mencapai Al-Falah iaitu mencapai <b>kebahagiaan dunia dan akhirat / keredhaan Allah</b></li> <li>❖ Mementingkan konsep ibadat dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata</li> <li>❖ Pengeluar mengeluarkan barang berkualiti/halal</li> <li>❖ Firma boleh memaksimumkan keuntungan tetapi tiada penindasan</li> </ul>
Persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Persaingan yang adil</b> digalakkan /secara adil dan saksama</li> <li>❖ Iaitu setiap individu yang bersaing mesti mempunyai <b>peluang &amp; kemudahan yang sama</b></li> </ul>
Penentu harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Harga ditentukan oleh <b>mekanisme harga</b> berlandaskan hukum syarak untuk barang ekonomi</li> <li>❖ Jika berlaku ketidakadilan <b>kerajaan kawal</b> melalui undang-undang seperti <b>dasar kawalan harga</b></li> </ul>
Contoh negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Arab</li> </ul>

S.N.H.'85